



PDTK/PK/300-7/2 Jld. 4 ( 1 )

25 Zulhijjah 1437H  
27 September 2016

## KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Sukacita dimaklumkan bahawa Pentadbiran ini mempelawa tawaran daripada individu perseorangan dan syarikat-syarikat pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan masih sah tempohnya di bawah Kod Bidang 020601 (Alat Tulis) untuk menyertai sebut harga berikut :

- NOMBOR SEBUT HARGA : PDTK/KP/10/2016
- TAJUK SEBUT HARGA : **Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Membekal dan Menghantar Bekalan Alat Tulis Komputer (Kategori *Toner* dan *Cartridge* Pencetak) Untuk Pejabat Daerah/Tanah Klang Bil. 2/2016**
- TEMPOH KONTRAK : **Satu (1) Tahun**  
**(1 November 2016 hingga 31 Oktober 2017)**
- TARIKH IKLAN DIBUKA : **4 Oktober 2016 (Selasa)**
- TARIKH TUTUP SEBUT HARGA : **12 Oktober 2016 (Rabu),**  
**Jam 12.00 Tengahari**

2. Dokumen Sebut Harga yang berharga **RM10.00** boleh diperolehi melalui <https://tender.selangor.my> atau secara terus di alamat seperti yang tertera di bawah **mulai 4 Oktober 2016 hingga 11 Oktober 2016**. Bagi pembelian terus, bayaran hendaklah dibuat secara tunai dan pihak individu atau syarikat pembekal yang berminat hendaklah membawa bersama butiran berikut:

- (i) **Dokumen asal dan satu (1) salinan:**
  - (a) **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (MOF);**
  - (b) **Sijil Pendaftaran Kontraktor Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia; dan**
  - (c) **Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).**
- (ii) **Cop Rasmi Syarikat**

3. Penyerahan dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat **berlakri** dan bertanda dengan **Nombor Sebut Harga** bagi perkhidmatan berkenaan. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga atau sekiranya melalui pos, hendaklah dialamatkan kepada:

**Bahagian Khidmat Pengurusan  
Tingkat 1, Pejabat Daerah/Tanah Klang  
Jalan Kota  
41902 Klang  
Selangor Darul Ehsan**

4. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Bahagian Khidmat Pengurusan **sebelum jam 12.00 tengahari** pada **12 Oktober 2016 (Rabu)**. **Tawaran yang lewat tidak akan diterima.**

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,



**(MADLINZA BINTI MASDAH)**  
Penolong Pegawai Daerah  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
b.p. Pegawai Daerah Klang

s.k.

- YBrs. Tuan Pegawai Daerah Klang
- Fail Timbul